

## **MAHASISWA: ANTARA BESTARI DAN BERAKHLAK**

Hamzani bin Ismail

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), JAKIM Sarawak

Mahasiswa merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat merupakan gelaran yang diberikan kepada penuntut di universiti atau kolej universiti. Mahasiswa bestari merupakan mahasiswa yang bijak, berpelajaran tinggi dan cemerlang dalam akademik. Terdapat ribuan malahan jutaan mahasiswa yang bijak di dalam dunia ini. Namun, berapa ramaikah jumlah mahasiswa yang bijak beserta dengan akhlak murni? Akhlak menurut Imam al-Ghazali (w.505 H) ialah sifat yang tertanam di dalam jiwa dan (dizahirkan) tanpa memerlukan pertimbangan akal terlebih dahulu, sifat tersebut mendorong ke arah pelbagai perbuatan yang baik dan yang buruk (al-Ghazali, 2012). Oleh itu, setiap negara mengidamkan mahasiswa bestari yang mempunyai akhlak yang murni. Hal ini demikian kerana generasi ini yang akan menjadi nakhoda bagi bahtera negara suatu hari kelak. Secara mudahnya dapat kita fahami bahawa masa hadapan sesuatu negara terletak kepada generasi ini. Jika generasi ini berjaya dibentuk dan dilenturkan dengan kebijaksanaan serta berlandaskan kepada ketinggian akhlak yang murni, maka insya-Allah negara ini akan mampu berdiri setanding dengan negara-negara kelas pertama. Generasi bestari ini kelak yang akan meletakkan kedudukan negara duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara-negara yang maju pada ketika itu. Maka, semua pihak seharusnya mula untuk bersama-sama berganding bahu memeras keringat untuk membentuk generasi ini menjadi generasi seperti yang diidamkan. Bak kata pepatah, meluntur buluh biarlah dari rebungunya.

Kebelakangan ini, isu-isu berkaitan dengan masalah sosial dalam kalangan mahasiswa di universiti dan kolej universiti hangat diperkatakan. Peningkatan kes sosial saban hari kian melonjak naik secara mendadak, bak kata pepatah seperti cendawan yang tumbuh selepas hujan. Ekoran daripada peningkatan kes masalah sosial dalam kalangan mahasiswa ini kian menjadi-jadi, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan jawatankuasa khas bertujuan untuk membendung masalah sosial dalam kalangan mahasiswa di dalam negara ini (Astro Awani, 2 Februari 2021). Langkah drastik yang diambil oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ini sedikit sebanyak mampu menangani masalah sosial dalam kalangan mahasiswa daripada semakin menular dan akhirnya menjadi barah. Hal ini membimbangkan ramai pihak, lebih-lebih lagi ibu bapa dan

para pendidik. Hal ini demikian kerana para mahasiswa ini merupakan generasi yang bakal menyambung legasi pentadbiran negara ini suatu hari kelak. Oleh itu, semua pihak bertanggungjawab untuk memastikan generasi ini bangkit dengan karakter cendekiawan yang cemerlang, gemilang dan terbilang disamping berbekalkan akhlak yang murni lagi disegani sebagai cerminan masa hadapan yang cerah buat negara ini.

Mahasiswa merupakan golongan cendekiawan atau intelektual yang sedang berusaha menambah ilmu pengetahuan mereka sebelum berhadapan dengan realiti semasa kehidupan. Allah SWT mengangkat darjat golongan-golongan ini, seperti mana firman-Nya di dalam al-Quran:

يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: *“Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”*

(Surah al-Mujadalah : 11)

Imam al-Qurtubi RH (w.671 H) menukilkan di dalam kitabnya bahawa, ‘berdasarkan kepada firman Allah SWT ini, ia menunjukkan wujudnya ganjaran di hari akhirat kelak dan *karamah* (kemuliaan) di dunia. Oleh itu, diangkat orang beriman daripada orang yang tidak beriman dan orang yang berilmu daripada orang yang tidak berilmu. Telah berkata Ibnu Mas’ud RA bahawa Allah SWT telah memuji para ‘ulama di dalam ini iaitu Allah SWT telah mengangkat orang-orang beriman yang diberi ilmu atas orang-orang beriman yang tidak diberikan ilmu dengan beberapa darjat’ (al-Qurtubi, 2006).

Kata Hamka (1985) pula di dalam tafsirnya:

*‘Ilmu pengetahuan memberi sinar pada mata. Iman dan ilmu membuat orang menjadi mantap, membuat orang jadi agung, walaupun tidak ada pangkat jabatan yang disandangnya. Sebab cahaya itu datang dari dalam dirinya sendiri.’*

Menerusi kedua-dua tafsir ini, kita dapat simpulkan bahawa Allah SWT benar-benar mengangkat martabat dan darjat sesiapa sahaja mempunyai yang mempunyai ilmu pengetahuan. Golongan ini diangkat disisi Allah SWT dan diangkat disisi makhluk-Nya.

Oleh itu, tidak dapat dinafikan lagi kebijaksanaan merupakan suatu anugerah yang sangat bernilai daripada Allah SWT kerana perkara ini yang akan memandu seseorang untuk membuat keputusan yang matang. Para Imam Salaf terdahulu yang pakar dan jaguh di dalam bidang masing-masing juga mempelajari adab dan akhlak, sebelum menjadi orang yang berilmu pengetahuan lagi disegani.

Kata Abdullah Ibnu al-Mubarak (w.181H):

طلبت الأدب ثلاثين سنة، وطلبت العلم عشرين سنة؛ وكانوا يطلبون الأدب قبل العلم

Maksudnya: *'Aku mempelajari adab tiga puluh tahun, dan aku mempelajari ilmu dua puluh tahun, sesungguhnya aku mempelajari adab sebelum ilmu'*. (Al-Jazari, 1932)

Berdasarkan kenyataan Imam Abdullah Ibnu al-Mubarak ini, jelaslah bahawa akhlak atau adab itu jauh lebih penting daripada ilmu. Kebijaksanaan yang tidak dipandu dengan akhlak yang mulia ibarat suatu perkara yang tiada nilai disisi Allah SWT dan disisi manusia. Misalnya, Iblis antara makhluk yang terawal diciptakan oleh Allah SWT sebelum penciptaan manusia. Jika hendak dibandingkan antara ilmu Iblis dengan ilmu manusia, maka Iblis adalah juaranya. Hal ini demikian kerana Iblis telah lama hidup, Iblis telah merentas pelbagai zaman dan masa disebabkan kebolehan yang Allah SWT kurniakan kepadanya iaitu, ditangguhkan ajalnya. Manusia pula singkat kehidupannya, tidak diberi penangguhan ajal kepadanya, bahkan telah ditetapkan ajalnya di sisi Allah SWT. Namun, yang membezakan manusia dengan Iblis adalah adab dan akhlak. Sebanyak mana pun ilmu yang ada pada Iblis, namun ia tidak memberi apa-apa manfaat kepadanya disebabkan kebiadapan dan kesombongannya kepada Allah SWT, maka Allah SWT melaknatnya. Manusia pula, walaupun ilmunya tidak sehebat Iblis, namun disebabkan adab dan akhlak yang baik, maka Allah SWT memuliakannya.

Kebijaksanaan dan akhlak yang mulia mesti berjalan seiring. Kebijaksanaan memerlukan akhlak yang murni, untuk membantu penyampaian mesej atau dakwah yang berkesan. Begitu juga dengan akhlak yang murni memerlukan kebijaksanaan untuk mengaplikasikannya di dalam kehidupan seharian. Anak muda Islam harus mencontohi Rasulullah SAW sebagai teladan yang baik. Rasulullah SAW seorang utusan Allah SWT yang bestari, bahkan sangat berakhlak mulia. Buktinya Allah SWT menganugerahkan *al-Hikmah* (kebijaksanaan) kepada Rasulullah SAW melalui dua malaikat yang menyamar sebagai pemuda yang datang lalu membelah dada Rasulullah SAW sebelum peristiwa Isra' dan Mikraj. Diriwayatkan oleh Malik bin Sa'sa'ah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَذَكَرَ: يَعْنِي رَجُلًا بَيْنَ الرَّجُلَيْنِ -، فَأُتِيَتْ بِطَسْتٍ مِنْ ذَهَبٍ، مُلِيءٍ حِكْمَةً وَإِيمَانًا، فَشُقَّ مِنَ النَّحْرِ إِلَى مِرَاقِّ الْبَطْنِ، ثُمَّ غُسِلَ الْبَطْنُ بِمَاءِ زَمْزَمَ، ثُمَّ مُلِيءَ حِكْمَةً وَإِيمَانًا

Maksudnya: “Dan aku teringat (yakni seorang lelaki diantara dua orang lelaki) yang datang kepadaku dengan membawa bejana yang diperbuat daripada emas, ia dipenuhi dengan hikmah dan iman, kemudian badanku dibelah dari atas hingga bawah perut, lalu dia (malaikat) mencucinya (hatiku) dengan air zam zam, lalu diisinya dengan **al-Hikmah (kebijaksanaan)** dan **al-Iman.**”

(HR Bukhari, No.3207)

Allah SWT juga telah mengisyaratkan bahawa utusan terakhir-Nya merupakan manusia yang paling baik akhlaknya, menerusi firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya: “Dan sesungguhnya engkau benar-benar mempunyai **budi pekerti yang agung (mulia dan murni).**”

(Surah al-Qalam : 4)

Prof Datuk Dr Muhammad Shatar Sabran<sup>1</sup> (mantan Naib Canselor di Universiti Pendidikan Sultan Idris) memberi penekanan kepada amalan 2A iaitu 'Akademik' dan 'Akhlag'. Kata beliau menerusi akhbar Berita Harian yang bertarikh 20 Ogos 2018 bahawa, '*Gabungan dua elemen ini penting demi melahirkan graduan yang hebat, bersahsiah unggul serta dikagumi oleh masyarakat dan majikan disamping nilai tambah diri atau kemahiran insaniah (akhlag).*'

Kesimpulannya, mahasiswa bestari dan berakhlak mulia sememangnya wujud di alam buana ini. Justeru itu, memerlukan sedikit usaha daripada semua pihak bagi menjadikannya sebuah realiti yang pasti. Maka, mahasiswa bestari dan berakhlak murni bertanggungjawab untuk mencorakkan wajah dan masa hadapan negara, memelihara maruah dan kedaulatan negara daripada ancaman anasir-anasir luar yang akan mengancam kedaulatan negara yang harmoni ini. Mahasiswa perlu memahami kehendak aspirasi negara ini yang sentiasa memerlukan pemimpin masa hadapan yang berani, jujur, bijaksana, mempunyai nilai-nilai murni yang mantap, berjiwa rakyat serta bertanggungjawab, malah berkeperibadian mulia untuk memimpin negara ini menuju masa hadapan yang semakin mencabar.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abdul Hakim Rahman. (2021, Februari 2). KPT Tubuh Jawatankuasa Khas Tangani Masalah Sosial Mahasiswa. Diterbitkan pada 2 Februari 2021, 12:05 a.m.. Layari : <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpt-tubuh-jawatankuasa-khas-tangani-masalah-sosial-mahasiswa-284870>

Al-Bukhari. (1407 H). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.

Al-Ghazali. (2012). Imam Abu Hamid. *Ihya' Ulumuddin*. Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyyah.

Al-Jazari. (1932). Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf. *Ghayah al-Nihayah Fi Thabaqat al-Qurra'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Qurtubi. (2006). (Al) Ahmad Muhammad bin Al-Qurtubi. *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Beirut-Libnan: Muassasah al-Risalah.

Dr.Ghazali Din. (2018, Ogos 20). Mahasiswa Bijak, Beradab Bentuk Masa Depan Gemilang. Diterbitkan pada 20 Ogos 2018, 11:01 a.m. Layari : <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/463994/mahasiswa-bijak-beradab-bentuk-masa-depan-gemilang>.

HAMKA. (1985). Haji Abdul Malik bin Abdul Karim bin Amrullah. *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.